

19/09/1999

400 Pemuda ikrar bantu BN

Lichong Angkui; Zulkofli Jamaludin

TUARAN: Deklarasi Tuaran pada akhir Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) semalam mengambil enam ketetapan untuk menterjemahkan wawasan kepimpinan negara.

Serentak itu, 400 Pemuda BN yang menghadiri konvensyen di Sabandar Bay Resort di sini, berikrar akan bersungguh-sungguh membantu kecemerlangan parti dalam pilihan raya umum akan datang.

Antara ketetapan itu ialah:

* Bertekad untuk memperkasa diri di bidang keperibadian, pemikiran, sikap, ilmu dan pendidikan serta keagamaan;

* Berikrar untuk meningkatkan perpaduan, persefahaman dan kerjasama sesama anggota pergerakan Pemuda BN dan di kalangan rakyat;

* Berazam untuk memperkukuhkan BN sebagai satu-satunya wadah politik yang mampu dan boleh membawa pembelaan dan kestabilan sosial, kesejahteraan dan keharmonian kepada rakyat;

* Beriltizam untuk memperteguh agenda nasional melalui penguasaan ilmu-ilmu strategik yang kritikal kepada kejayaan negara, khususnya teknologi maklumat dan industri berasaskan pengetahuan;

* Berjanji untuk mengangkat martabat negara dalam segala bidang agar Malaysia mampu turut serta di dalam proses penetapan agenda perdana dunia; dan

* Bersumpah mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara daripada perkembangan sejagat yang bertentangan dengan kepentingan nasional.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, kemudiannya menyerahkan deklarasi itu kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyampaikan ucapan Perdana pada akhir konvensyen.

Sepanjang konvensyen, peserta mendengar amanat daripada pemimpin negara, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menyampaikan ucap utama pada hari pertama.

Pemimpin lain yang turut memberi syarahan ialah Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainudin; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; dan Naib Presiden MIC, Datuk G Palanivel pula menjadi ahli panel forum.

Mengikut deklarasi itu, matlamat berkenaan boleh dicapai melalui program latihan, pendidikan dan pendedahan yang komprehensif, tersusun dan berterusan.

Pemuda BN juga akan melaksanakan gerak kerja berorientasikan perkhidmatan dan program penjanaan generasi jiwa merdeka yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif serta proaktif, progresif dan toleran.

Pemuda BN juga akan berfungsi sebagai penghubung antara generasi, pemantauan dan tindakan terhadap isu-isu rakyat, kempen penerangan yang proaktif, kreatif dan menyeluruh; usaha merapati hubungan dengan pucuk pimpinan di pelbagai peringkat berorientasikan konsep Malaysia Boleh.

(END)